

# KEMAHIRAN INSANIAH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM ISLAM MALAYSIA DAN INDONESIA: SATU ANALISIS PERBANDINGAN

(SOFT SKILLS IN ISLAMIC HIGHER LEARNING INSTITUTIONS IN  
MALAYSIA AND INDONESIA: A COMPARATIVE ANALYSIS)

*Rahimin Affandi Abd. Rahim, Lazim Omar, Nor Adina Abd Kadir & Nor Hayati Dahlal*

## **Abstract**

Islamic institutions of higher learning, either owned by the government or by private companies are always subjected to negative interpretations. Graduates of these institutions are always described as not knowledgeable especially with development. They are always connected to the statement of just memorizing Islamic verses especially from Quran. This statement is no longer valid in the present day. These institutions always revise their curriculum parallel to contemporary development as practiced by usual institutions of higher learning by introducing new courses like management, economy, science and technology. It produces good results; graduates of Islamic institutions of higher learning are quite marketable in the job market nowadays. In order to enable them to be competitive with other graduates of institutions of higher learning, they enhance the soft skills of their students. In Indonesia and Malaysia, the basics of soft skills are introduced in the curriculum to enable the graduates to become more marketable. Both institutions are always looking for the best methodology to equip students with the soft skills during their academic learning. This study tries to compare the implementation of soft skills training between Islamic institutions of higher learning in Indonesia and Malaysia which includes the strengths and weaknesses of their approach.

*Keywords: Institution of higher learning, Islam, soft skills training, marketable*

## **Pengenalan**

Pada dasarnya, artikel ini merupakan dapatan awal (*pilot studies*) daripada projek penyelidikan ilmiah FRGS (FP001/2007C) tajaan Universiti Malaya, dengan tajuk: *Jalinan Institusi Pendidikan Tinggi Islam Di Malaysia Dan Indonesia*. Memanglah diakui, projek penyelidikan ini lebih memberikan fokus kepada usaha mewujudkan jalinan intelektual antara Intitusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Islam di Malaysia dan Indonesia, namun begitu, terdapat beberapa isu tumpuan kajian ini yang mempunyai kaitan secara langsung dengan isu kemahiran insaniah, khususnya yang diamalkan oleh kedua IPTA yang terbabit. Kajian ini mengaplikasikan metode

temu bual yang terancang, *participant observation* dan *content analysis*, yang dibuat terhadap beberapa IPTA/Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia dan Indonesia yang menawarkan disiplin Islam.

## Rasionalistik Pemilihan Fokus Kajian

Secara kasarnya, terdapat beberapa sebab utama kenapa fokus kajian lebih ditumpukan kepada IPTA Islam dari kedua kawasan Alam Melayu.

*Pertama*, kawasan rantau Alam Melayu sebagai suatu kawasan penting dan eksklusif di dalam kerangka kajian *regional studies*-untuk subjek kawasan (geografi) masyarakat Islam.<sup>1</sup> Ianya dibezakan dengan kawasan Timur tengah, Indo-Pakistan, Afrika, Eropah dan Amerika utara. Penetapan kawasan rantau Alam Melayu (Malay Achipleago) yang berbeza dengan kawasan lain dibuat berasaskan kepada pelbagai elemen persamaan yang membabitkan kedua kawasan (Indonesia dan Malaysia).<sup>2</sup> Persamaan ini antara lainnya merujuk kepada; kedua-dua lokasi mempunyai perkaitan yang erat dilihat dari sudut sejarah hubungan persaudaraan Melayu yang berasaskan kepada jalinan intelektual keagamaan. Keduanya merupakan kawasan dunia Melayu-Islam terbesar yang mengamalkan dan memperkembangkan pemikiran Islam menggunakan bahasa pengantar yang sama, bahasa Melayu. Persamaan latar belakang sejarah Islamisasi, pengamalan mazhab yang sama dan institusi pengajian keilmuan Islam yang saling mempengaruhi dilihat dari sudut perkembangan tren reformasi pendidikan Islam semasa. Kewujudan jalinan intelektual yang kukuh di antara kedua kawasan- kebanyakan hasil kajian ilmiah membabitkan bidang pemikiran dan pendidikan Islam sering dipergunakan secara meluas di kedua-dua kawasan terbabit. Kewujudan jalinan ataupun hubungan yang erat di antara kedua kawasan dirujuk kepada aspek teologi dan syariah yang sama berasaskan kepada Mazhab Shafi'i. Ulama dari kedua kawasan sering bertukar pandangan dan bantuan intelektual sejak dari zaman awal, tahun-tahun 1900an dan semasa era kebangkitan Islam di tahun-tahun 1970-1980an.<sup>3</sup>

*Kedua*, sebab utama kenapa IPTA aliran Islam dipilih adalah berasaskan kepada peranan dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh IPTA Islam di dalam menghadapi cabaran globalisasi semasa. Untuk konteks dunia moden ini, terdapat beberapa perkembangan yang boleh dikatakan sebagai cabaran utama untuk kelangsungan IPTA/IPTS Islam. Sebaiknya, kesemua cabaran ini perlu ditangani secara terbuka dan proaktif yang bakal menunjukkan kerelevanan IPTA/IPTS Islam berhadapan dengan cabaran-cabaran ini. Antara cabaran yang dimaksudkan; *pertama*, tohmahan negatif diberikan oleh media barat yang mempengaruhi masyarakat awam tentang sifat kelemahan alumni pengajian Islam. Mereka kerap dikatakan sebagai seorang penghafal kandungan kitab klasik yang baik dan lebih pandai bercakap dan berkhotbah dan tidak tahu bertindak sebagai perancang dan organisir yang baik. *Kedua*, kesungguhan anggota masyarakat Melayu-Islam memilih untuk menghantar anak-anak ke institusi pendidikan Islam, yang diiringi pula dengan keperluan IPTA/IPTS aliran Islam menyediakan guna tenaga yang kompeten untuk tujuan pembangunan di Malaysia, yang menjuruskan bukan setakat di dalam bidang agama, bahkan turut membabitkan bidang bukan agama, seperti pengurusan, ekonomi, S&T dan sebagainya. Setakat ini, terdapat kajian yang

menunjukkan bagaimana sektor kerjaya luar di Malaysia memang memandang positif terhadap alumni pengajian Islam. *Ketiga*, cabaran era Globalisasi dan pascamodenisme yang mencorakkan pandangan umum masyarakat tentang sistem pendidikan moden yang berbeza sifatnya daripada apa yang difahami sebelumnya.

Dalam soal ini, terdapat beberapa bentuk perubahan negatif yang dapat dikesan antaranya sikap yang terlalu memandang tinggi kegunaan ilmu-ilmu sains, ekonomi, pengurusan, IT dan teknologi sehingga sanggup menghina kegunaan ilmu-ilmu agama dan sains sosial, yang dianggap sebagai tidak berguna untuk konteks zaman moden. Bahkan terdapat semacam kecenderungan yang menganggap kelangsungan keilmuan dan kesedaran agama sebagai membazirkan sumber kewangan Negara.<sup>4</sup> Selain itu, agenda globalisasi telah mengurangkan kawalan pihak kerajaan terhadap institusi universiti yang menyebabkan kebanyakan IPTA berusaha menjadikan diri mereka seperti kilang yang menghasilkan graduan yang kononnya kompeten untuk kehendak pasaran semasa. Pertukaran matlamat universiti ini, seperti mana ditegaskan dalam pendidikan klasik barat dan Islam, daripada “sebagai sumber untuk pembinaan peradaban, memperkuat unsur kemanusiaan melalui pembentukan peribadi dan intelek yang mampu melihat, memahami dan menyesuaikan diri dengan perubahan dan pergolakan masyarakat semasanya “kepada suatu falsafah pendidikan utilitarian ala rasional ekonomi (economism)<sup>5</sup> berasaskan model korporat dunia perdagangan telah mencalarakan peranan universiti sebagai institusi sosial yang memupuk budaya intelektual dan pemikiran yang baru, bebas lagi kritis. Hasilnya, lulusan daripada universiti yang menggunakan falsafah ini akan melahirkan lulusan yang berbentuk *careerist*, yang tertumpu hanya kepada soal kerjaya semata-mata dan tidak mepedulikan soal penggunaan daya intelektualnya untuk kesejahteraan masyarakat.

Seterusnya, sikap sesetengah pihak Islam sendiri yang terikut-ikut dengan agenda korporat, yang menubuhkan pelbagai IPTS Islam bagi memenuhi kehendak pelajar aliran agama melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.<sup>6</sup> Sayangnya, penubuhan IPTS ini tidak disertakan dengan perancangan logistik yang rapi, yang menyebabkan kemudiannya IPTS ini lebih berbentuk kursus persediaan pelajar sahaja yang bakal membolehkan pelajar terbabit melanjutkan pelajaran ke beberapa universiti di Timur Tengah, tanpa memungkinkan lulusan IPTS ini menceburkan diri di dalam pasaran kerja di Malaysia. Manakala, sikap yang terlalu mengagungkan pendekatan E-learning (terlalu bergantung kepada komputer di dalam pengajaran semua bentuk keilmuan moden) bakal mencacatkan peranan pendidikan insan yang sepatutnya dimainkan oleh seseorang pendidik. Apa yang jelasnya, secanggih mana pun sesebuah komputer itu, ianya mustahil untuk memainkan fungsi *spiritual touch* yang boleh membentuk kesedaran akhlak kepada seseorang pelajar.<sup>7</sup>

Jadi, berasaskan kepada latar belakang dan rasionalistik ini, kajian ini bakal memberikan tumpuan khusus kepada isu subjek kemahiran Insaniah yang diamalkan oleh IPTA Islam di Malaysia dan Indonesia. Memanglah diakui, subjek KI ini secara *per se* hanya diperkenalkan pada zaman moden ini, namun begitu roh dan inti pati utama daripada komponen KI ini memang telah pun diamalkan secara holistik dalam institusi pendidikan tinggi Islam sejak turun temurun.

## **Pemahaman Konsep Kemahiran Insaniah di IPTA Islam Malaysia dan Indonesia: Satu Analisis Perbandingan**

### **Isu Kepentingan Subjek Kemahiran Insaniah Diterapkan dalam IPTA Islam**

IPTA Islam di kedua kawasan memang bersetuju dan mengakui peri pentingnya subjek KI ini diterapkan dalam sistem pengajian mereka. Hal ini ditegaskan memandangkan penerapan subjek KI ini akan memantangkan lagi proses untuk melahirkan graduan pengajian Islam yang kompeten untuk keperluan masyarakat. Para pemikir IPTA Islam di kedua kawasan akur dengan tiga peranan penting yang boleh disumbangkan oleh institusi pendidikan Tinggi Islam; (i) melahirkan insan yang sempurna dan seimbang, dari segi jasad, roh dan akal bagi memenuhi tujuan pengabdian kepada Allah; (ii) melahirkan tenaga kerja dan intelektual ummah yang mampu berkhidmat kepada masyarakat secara berkesan dan berhemah mengikut bidang kemahiran yang tertentu dan (iii) melahirkan golongan ilmuwan dan sarjana yang boleh membangun dan memperkembangkan sesuatu disiplin keilmuan Islam moden. Masa depan umat Islam boleh dikatakan antara lainnya bergantung sepenuhnya kepada golongan ilmuwan ini.

Sehubungan dengan itu, untuk keperluan dunia global, IPTA Islam juga memahami bahawa penerapan subjek KI ini bakal menaik taraf IPTA Islam di dalam ranking dunia. Hal ini amat jelas daripada usaha berterusan yang dijalankan oleh IPTA Islam di Malaysia dan Indonesia yang cuba melakukan reformasi dengan merubah bentuk dan elemen substantif IPTA terbabit ke arah IPTA yang bertaraf dunia-melalui slogan *Universiti Penyelidikan* yang membuka peluang yang lebih luas kepada pelajar dalam dan luar negeri.

Kesemua IPTA Islam ini yang terbabit memang memaklumi piawaian penarafan yang dijalankan oleh badan di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, kesemua IPTA Islam terpaksa belajar dari tindakan THES (Times Higher Educational Survey) yang menurunkan status UM berpunca daripada; *pertama*, sikap negatif (tidak puas hati) yang ditunjukkan oleh sektor pasaran pekerjaan luar (awam dan swasta) terhadap graduan aliran Sains Sosial UM. Ianya merujuk kepada kelemahan graduan UM berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris dengan baik. *Kedua*, kurangnya nisbah pengambilan pelajar asing di UM dan *ketiga* kurangnya nisbah pengambilan kakitangan akademik daripada luar, khususnya daripada barat.

### **Isu Huraian dan Perincian tentang Elemen Kemahiran Insaniah**

Rata-ratanya semua IPTA Islam di Malaysia telah melakukan usaha perincian terhadap elemen kemahiran Insaniah yang bersesuaian dengan kehendak sektor pasaran kerja awam dan swasta, yang dipecahkan kepada tujuh elemen kemahiran iaitu 7 elemen kemahiran; *kemahiran berkomunikasi, Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat, etika dan moral profesional, kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepimpinan*. Apa yang menariknya, huraian kepada ketujuh kemahiran asas ini telah diselaraskan kerana ianya telah diwajibkan oleh

Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, yang kemudiannya bakal dipantau oleh pengurusan tertinggi IPTA sendiri dan *Malaysian Qualifications Agency* (MQA). MQA merupakan badan yang bertanggungjawab memberikan standard piawaian akreditasi kepada mana-mana IPTA/IPTS di Malaysia.

Hal yang sama turut dilakukan oleh IPTA Islam di Indonesia. Terdapat dua badan khusus di peringkat pusat (DIKTE) dan wilayah (KOPERTAIS) yang bertugas memantau agar kesemua IPTA Islam yang berdaftar dengan pemerintah mematuhi syarat-syarat yang memasukkan kemahiran insaniah sebagai komponen utama di dalam pedagogi pengajian. Namun begitu, berbanding dengan amalan di Malaysia, subjek KI ini tidak dikenali dengan nama kemahiran Insaniah tetapi sebagai mata kuliah berkarya (bekerja) dan ianya dibuat secara umum tanpa ada perincian yang sepatutnya. Ianya terdiri;

Pertama, Mata kuliah pengembangan keperibadian- subjek yang bertujuan mengembangkan warganegara yang beriman dan bertakwa kepada tuhan yang maha esa. Kedua, Mata kuliah keilmuan dan keterampilan – subjek yang bertujuan memberikan landasan penguasaan ilmu dan keterampilan tertentu. Ketiga, Mata kuliah keahlian berkarya – bertujuan melahirkan tenaga ahli dengan pengkaryaan berdasarkan ilmu dan keterampilan yang dikuasai. Keempat, Mata kuliah perilaku berkarya – bertujuan membentuk sikap dan perilaku yang diperlukan oleh seseorang dalam berkarya. Kelima, Mata kuliah kehidupan bermasyarakat – subjek yang mampu melahirkan tenaga masyarakat yang memahami kaedah hidup bermasyarakat.

Apa yang jelasnya, di kedua-dua IPTA Malaysia dan Indonesia memang terdapat pelbagai kelemahan dan kekaburan di dalam pelaksanaan dan pemantauan tentang bagaimana kesemua subjek KI ini patut dijalankan, memandangkan ianya tidak disertakan dengan modul dan manual kerja yang sepatutnya. Kalau adapun, ianya belum lagi lengkap sepenuhnya dan perlu dibangunkan agar lebih menyeluruh kepada kesemua subjek KI. Apabila modul gagal dihasilkan, ianya menyebabkan pengajaran subjek ini gagal diselaraskan dan secara pastinya akan berbeza pendekatan pengajaran di antara setiap pensyarah yang dipertanggungjawabkan untuk mengajarnya.

## **Isu Kaitan antara Kemahiran Insaniah dengan Keperluan Pasaran Kerja Era Global**

Dalam soal ini, ternyata pendekatan IPTA Malaysia lebih *advance* apabila kajian ilmiah dilakukan bagi mengetahui kehendak pasaran sektor awam dan swasta bagi graduan sesuatu IPTA. Ianya membabitkan beberapa perkara yang utama<sup>8</sup>; pertama, isu etika dalam dunia kerjaya. Kedua, ciri-ciri kemahiran *hard skill* dan *soft skill* yang *markertable* dan sangat diperlukan oleh sektor kerjaya. Ketiga, isu peluang dan bidang kerjaya yang boleh dipilih untuk seseorang graduan. Keempat, isu kelemahan yang dimiliki oleh seseorang graduan yang menyebabkan mereka gagal mendapatkan peluang pekerjaan yang sesuai. Kelima, elemen luaran dan sosiologi masyarakat yang mempengaruhi bentuk kerjaya yang diceburi oleh graduan IPTA.

Secara jelas, pendekatan proaktif ini secara langsung dapat membantu IPTA menyemak dan merangka program penyediaan tenaga kerja yang berkesan untuk

graduan IPTA terbabit. Hal ini sayangnya kurang diberi penekanan oleh IPTA Islam di Indonesia, yang rata-ratanya lebih menjuruskan tumpuan kepada penyediaan graduan bagi mengisi peluang kerjaya dalam sektor yang berkaitan dengan Islam dan tidak memperluaskannya kepada sektor kerjaya di luar bidang pengajian Islam.

### **Isu yang Mengaitkan Kemahiran Insaniah dengan Ajaran Islam**

Memanglah diakui para pemikir-pentadbir IPTA Islam di Malaysia ada mengupas isu yang mengaitkan Kemahiran Insaniah dengan ajaran Islam, tetapi ianya dibuat dalam bentuk yang agak minimum dan rata-ratanya tidak mengaitkan isu kemahiran insaniah ini secara langsung dengan prinsip Islam. Hal ini berbeza realitinya dengan apa yang dijalankan oleh pemikir-pentadbir di IPTA Indonesia. Walaupun tidak dinamakan sebagai kemahiran insaniah dan dikenali dengan terma lain, seperti konsep intelektual Muslim moden dan SDM, ternyata sekali kupasan ini cukup *advance* khususnya yang mengaitkannya dengan ajaran Islam. Ianya terdiri dari;

*Pertama*, huraian tentang kelas intelektual Islam moden (graduan IPTA Islam) yang perlu beroperasi di dalam masyarakat agar lebih bersesuaian dengan nilai-nilai Islam dan bertentangan dengan konsep intelektual barat yang berteraskan faham sekularisme.<sup>9</sup> Sepertimana diperincikan oleh Azyumardi Azra tentang sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh seseorang intelektual Muslim<sup>10</sup> iaitu prihatin dengan realiti semasa membabitkan kemunduran anggota masyarakat yang dianggap sebagai tanggungjawab bersama bagi semua lapisan masyarakat. Mementingkan penganalisan akal yang kritis dan membina di dalam usaha meneliti sesuatu masalah. Mementingkan pergantungan kepada hidayah, inayah dan pertunjuk agama di dalam kehidupan. Menyertai sesuatu jemaah Islam terpilih bagi tujuan tarbiah diri dan anggota jemaah yang disertakan pula dengan kesanggupan berkorban demi meningkatkan kalimah Allah dan tidak mudah terpedaya dengan dugaan kebendaan. Adalah menjadi keperluan bagi seseorang intelektual untuk mengamalkan keteguhan pendirian (*istiqamah*) dalam perjuangan dan tidak mudah lalai dan leka dengan perkembangan positif yang telah dicapai daripada gerakan kebangkitan Islam. mereka juga perlu melakukan penganalisan kritikal terhadap konsep intelektual semasa yang cuba menisbahkan lulusan agama dengan pelbagai nisbah negatif yang tidak sesuai dikaitkan dengan sifat seseorang intelektual yang amat diperlukan untuk zaman moden.

Selain itu, keperluan untuk menjalinkan hubungan antara Allah, manusia dan alam khususnya keprihatinan terhadap nasib umat Islam lain di seluruh dunia, termasuklah prihatin dengan perkembangan dialog peradaban yang menyaksikan kelemahan tamadun barat sebagai akibat daripada fahaman sekularisme yang menjemput pelbagai masalah yang kronik kepada masyarakat dan alam sekitar. Bahkan, keperluan untuk mengamalkan budaya ilmu yang positif membabitkan kesemua jenis ilmu pengetahuan yang berguna kepada diri dan masyarakat. Dalam usaha memperluaskan diri dengan segala bentuk ilmu dunia dan akhirat ataupun menjalankan sepenuhnya budaya ilmu di dalam kehidupan terbuka dengan pendapat dan ilmu asing secara bertapis, mementingkan pendekatan yang mencari punca dan mencadangkan jalan penyelesaian masalah secara mikro, berusaha melakukan kajian dan mencuba model penyelesaian masalah yang

difikirkan perlu, berusaha memantau keberkesanan cara penyelesaian masalah yang dikemukakan berusaha menjalin dan menghidupkan jalinan ummah Islam sedunia bagi mempelajari kaedah penyelesaian masalah yang lebih sesuai untuk konteks zaman moden.

*Kedua*, kupasan tentang SDM yang dikaitkan dengan Islam dan pemodenan. Dalam soal ini juga, kita tidak sepatutnya memandang negatif terhadap isu pemodenan. Bagi sesetengah sarjana Islam moden, agama Islam itu sendiri amat bersifat moden, yang boleh dilihat daripada beberapa ciri yang utama<sup>11</sup> seperti menekankan pemusatan kepada manusia yang dipimpin bersesuaian dengan lunas-lunas Islam (bertentangan dengan pendekatan barat yang meletakkan manusia dan nafsunya sebagai pusat segala perkara). Menekankan pembentukan manusia yang berasaskan kerangka etos Islam yang memiliki tanggungjawab dan jujur di dalam hubungan dengan manusia dan alam. Menggalakkan penyertaan masyarakat sama ada golongan majoriti ataupun minoriti di dalam perjalanan sesuatu institusi kerajaan. Seterusnya, menunda kesenangan jangka pendek untuk kesenangan jangka panjang. memanfaatkan waktu dan etos kerja yang cemerlang yakin dengan keadilan dapat disebarikan kepada manusia. Menekankan pengamalan budaya ilmu sebagai kaedah untuk melahirkan kreativiti akal yang tinggi. menyanjung tinggi bakat dan kemampuan serta penghargaan diberikan berdasarkan prestasi dan bukannya berasaskan kepada paradigma feudalisme.

*Ketiga*, kupasan yang cuba mengaitkan program pendidikan Islam dengan prinsip profesionalisme. Ianya menawarkan pendekatan terbaik tentang bagaimana status jawatan yang bakal disandang oleh pelajar pengajian Islam boleh dipertingkatkan sehingga mencapai status profesionalisme seperti mana difahami oleh dunia moden sekarang. Bagi Shamsul Anwar, nisbah profesionalisme Islam dengan penjawat agama, boleh ditetapkan dengan membandingkan kriteria nisbah profesionalisme yang difahami dari perseptif Barat untuk beberapa profesion yang khusus-dengan nisbah yang turut dimiliki oleh penjawat agama. Ianya terdiri daripada;<sup>12</sup> Kerjaya yang memerlukan kepakaran dan pengetahuan spesialis tertentu yang tidak dimiliki oleh golongan lain. Untuk menguasai pengetahuan dan kepakaran spesialis ini memerlukan tempoh pendidikan yang relatif lama. Kegiatan kerjaya yang dijalankan berasaskan kepada sesuatu teknik dan kaedah yang khusus bagi memecahkan sesuatu permasalahan yang diajukan. Wujudnya sesuatu kod etika yang khusus yang mengatur bagaimana modus operandi sesuatu profesion itu perlu dijalankan. Wujud organisasi khusus yang melakukan proses pengawalan terhadap sesuatu profesion agar ianya tidak melanggar kod etika yang ditetapkan. Wujudnya kuasa autonomi dan kebebasan untuk membuat sesuatu keputusan dalam bidang kuasa profesion terbabit. Wujud komitmen kerja yang tinggi khususnya yang membabitkan hubungan dengan pelanggan/masyarakat awam. Wujud nisbah kepercayaan masyarakat awam tentang kewibawaan dan mutu profesion yang diceburi dan mempunyai nilai prestij dan penghasilan yang tinggi. Boleh dikatakan kesemua kriteria yang ditetapkan ini, turut dimiliki oleh penjawat agama Islam. Bahkan, kualiti penjawat agama ternyata lebih tinggi, khususnya dalam soal yang membabitkan kod etika, kerana ianya diasaskan kepada falsafah dan prinsip keimanan; Tauhid dan amanah.

## Perbandingan Aplikasi Elemen Kemahiran Insaniah di IPTA Islam Malaysia dan Indonesia

Mengikuti amalan di IPTA Malaysia, badan yang dipertanggungjawabkan untuk menerapkan subjek KI ini terdiri dari tiga badan yang utama; *Pertama*, pihak HEP yang terbabit dalam penyediaan dan pemantauan aktiviti ko-kurikulum pelajar. Pihak HEP akan merangka program yang tertentu bagi memastikan agar setiap aktiviti ko-kurikulum pelajar perlu diterapkan dengan subjek dan elemen KI-*kemahiran berkomunikasi, Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepimpinan. Kedua*, pihak fakulti yang biasanya akan memastikan agar elemen kesemua ketujuh-tujuh KI akan diterapkan dalam setiap subjek yang ditawarkan oleh setiap fakulti. Mengikuti amalan biasa yang terpakai, pihak fakulti akan menggalakkan kepada pelajar agar mengikuti mana-mana kursus di luar fakulti yang berkaitan dengan mana-mana subjek yang memiliki elemen KI yang tertentu. *Ketiga*, pihak SKET ataupun pusat pengajian umum yang biasanya akan menawarkan pelbagai kursus teras, yang berkaitan secara langsung dengan elemen KI- seperti subjek TITAS dan hubungan etnik.

Hal yang sama turut diamalkan oleh IPTA Islam di Indonesia. Cumanya, selain daripada ketiga-tiga badan seperti di IPTA Malaysia, IPTA Indonesia didapati turut memiliki badan mahasiswa seperti HMI (Himpunan Mahasiswa Indonesia) dan PMII (Persatuan Mahasiswa Islam Indonesia) – yang cukup aktif menjalankan program pelatihan dan pengkaderan para ahlinya. Badan mahasiswa ini sering dianggap sebagai universiti kedua selepas universiti yang sebenar. Dalam program pengkaderan ini, bekas alumni setiap persatuan mahasiswa yang terdiri dari tokoh penting akan terlibat secara langsung dalam memberikan pelatihan kepada pelajar baru. Pada kebiasaannya mahasiswa akan didedahkan dengan;

*Pertama*, Model pendekatan falsafah ini memiliki sifat keilmuan, inklusif dan terbuka. Kelebihan pendekatan ini boleh dirujuk kepada tiga perkara yang utama; (i) pencarian dan perumusan idea atau gagasan yang bersifat mendasar (fundamental ideas) dalam berbagai persoalan; (ii) pengenalan dan pendalaman persoalan serta isu-isu fundamental dapat membentuk cara berfikir yang bersifat kritis dan (iii) proses ini bakal membentuk mentaliti dan kaedah berfikir yang mengutamakan kebebasan intelektual, sekali gus mempunyai sifat toleran terhadap pelbagai pandangan dan kepercayaan yang berbeza serta bebas daripada fanatisme.<sup>13</sup>

*Kedua*, Subjek dan elemen keusahawanan–dapat melatih mahasiswa bersikap proaktif di dalam menjalankan sesuatu perniagaan. *Ketiga*, Subjek pendampingan masyarakat – dapat melatih mahasiswa mengamalkan sifat kekitaan dan sanggup berkhidmat kepada masyarakat.

Namun begitu, berdasarkan pengamatan yang dilakukan, terdapat beberapa kelemahan di dalam amalan IPTA Indonesia ini; mahasiswa kurang memberikan tumpuan kepada pengajian yang sebenar, sebaliknya lebih terlibat aktif dalam penglibatan di luar kampus. Hal ini menyebabkan mahasiswa terdedah kepada pelbagai idealisme dan perjuangan politik yang kurang menguntungkan.



## Kesimpulan

Sebagai rumusan akhir, dapat kita katakan bahawa subjek seumpama kemahiran Insaniah yang menitikberatkan pemupukan dan peningkatan daya kebolehan sendiri dan sosial memang ada diterapkan dalam kurikulum di IPTA Islam di Malaysia dan Indonesia. Hasil perbandingan yang dilakukan terhadap kedua-dua kawasan ini, ternyata sekali keduanya memiliki begitu banyak sekali persamaan di dalam proses penerapan subjek kemahiran Insaniah ini. Kalau adapun elemen perbezaan, ianya hanya membabitkan beberapa isu kecil dan bersifat teknikal semata-mata. Apa yang lebih penting, para pemikir-pentadbir di setiap IPTA terbabit perlu mengamalkan sikap yang terbuka di dalam mempelajari elemen kekuatan dan kelemahan yang wujud ini. Selanjutnya, program penambahbaikan yang berterusan perlu dilakukan bagi mencapai satu matlamat yang sama, melahirkan graduan pengajian Islam yang kompeten dari segi ilmu, keperibadian dan kemahiran sosial yang diperlukan untuk menghadapi kehidupan di zaman globalisasi yang serba mencabar ini.

## Nota Hujung

---

<sup>1</sup> John Esposito, *Islam And Democracy*, (Oxford, 1996), h. 124-135.

<sup>2</sup> Peter Riddell, *Islam And The Malay-Indonesian World*, (London, 2001), h. 6-9.

<sup>3</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Analisis Sejarah Dakwah Dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia," dalam Zulkiple Abd. Ghani (ed.) *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*, (Bangi: Terbitan Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Ukm dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), 2003).

<sup>4</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Suatu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*, (Kuala Lumpur: Istac, 2001), h. 16.

<sup>5</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *The Educational Philosophy And Practice of Syed Muhammad Naquib Al-Attas*, (Kuala Lumpur: Istac, 1998), h. 230.

<sup>6</sup> Zaini Ujang, *Mengangkasa Pengajian Tinggi*, (Skudai: Penerbit UTM, 2009), h. 99-106.

<sup>7</sup> H. Abuddin Nata, *Perspektif Islam Tentang Hubungan Guru-Murid; Sudi Pemikiran Tasawuf Al-Ghazali*, (Jakarta: Pt Raja Grafindo Persada, 2001), h. 23-40.

<sup>8</sup> Abd Rahim Ab Rashid, *Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia Dan Kerjaya*, (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2006).

<sup>9</sup> Muhammad Zainiy Uthman "Islam, Sains dan Pemikiran Objektif: Suatu Perbandingan Ringkas," dalam *Jurnal Yadim*, Bil. 2, (November 2001), h. 146-148.

<sup>10</sup> Azyumardi Azra, *Esei-Esei Intelektual Muslim dan Pendidikan Islam*, (Jakarta, 1998), h. 43-47.

<sup>11</sup> H. Syahrin Harahap, *Islam: Konsep dan Implementasi Pemberdayaan*, (Yogyakarta: Pt Tiara Wacaana Yoga, 1999), h. 11-25.

<sup>12</sup> Syamsul Anwar, *Studi Hukum Islam Kontemporer*, (Jakarta: Rm Books, 2007), h. 26-29.

<sup>13</sup> Kamaruzzaman Bustaman Ahmad, *Islam Historis: Dinamika Studi Islam di Indonesia*, (Yogyakarta: Galang Press, 2002), h. 9-10.